

**Semangat Keusahawanan Dan Kreativiti Generasi Muda Mesti Dicungkil - Najib Bernama**  
**21 Jun, 2012**

KUALA LUMPUR, 21 Jun (Bernama ) -- Semangat keusahawanan dan kreativiti generasi muda perlu dicungkil bagi merealisasikan hasrat Malaysia menjadi negara maju berpendapatan tinggi, kata Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak.

Beliau berkata di negara barat, syarikat seperti Apple, Microsoft, Dell dan Facebook, semuanya diasaskan oleh generasi muda yang tinggi daya keusahawanan dan kreativitinya.

"Mereka bermula dengan segala kekurangan dan kepayahan, namun mereka kini berjaya. Mereka bermula di garaj tetapi kini mempunyai syarikat bernilai jutaan dolar," katanya ketika berucap pada Dialog Usahawan Teknologi Bumiputera di TM Convention Centre, Menara TM di Bangsar, di sini Khamis.

Terdahulu Najib merasmikan TM Convention Centre. Dialog itu dianjurkan Persatuan Usahawan dan Industri ICT Bumiputera Malaysia.

Turut hadir. Presiden NEF Ashran Ghazi, Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Multimedia Datuk Badlisham Ghazali dan Pengerusi TM Datuk Dr Halim Shafie.

Najib berkata bidang teknologi maklumat (ICT) dan kreatif, memainkan peranan yang penting dalam mencipta sumber kekayaan baharu untuk negara. Beliau berkata rakyat Malaysia sangat bertuah memandangkan Malaysia mempunyai asas yang kukuh dalam bidang ICT dan media kreatif.

"Kerajaan telah mewujudkan inkubator dan hub ICT di pelbagai lokasi di seluruh Malaysia. "Pelbagai geran juga bantuan telah diperuntukan dan kerajaan telah mengamanahkan pelbagai agensi membantu usahawan membangunkan apa sahaja idea atau produk menarik yang boleh menjana pendapatan kepada rakyat semua," katanya.

Najib berkata dalam usaha merealisasikan pemilikan ekuiti Bumiputera yang disasarkan kerajaan, syarikat Bumiputera perlu mengenal pasti kebolehan, keunikan dan kekuatan masing-masing dan bergabung membentuk satu entiti yang lebih perkasa.

Katanya persaingan sengit dalam era globalisasi hari ini memerlukan perubahan fungsi kerajaan yang kini lebih cenderung menjadi pemudah cara bagi mencipta persekitaran terbaik untuk kejayaan usahawan.

"Kerajaan akan mengurangkan pembabitan secara terus dalam perniagaan, namun akan terus memberikan sokongan kepada usahawan Bumiputera bagi memastikan mereka memperoleh kejayaan di setiap peringkat.

"Peranan kerajaan ialah memastikan akses dan penghapusan halangan kepada kreativiti dan idea terbaik," kata Perdana Menteri.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=674764>